

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 6.11.2017 (ISNIN)

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah bilangan koperasi perdana di seluruh negara mengikut negeri dan jenis-jenis perniagaan yang diceburi oleh koperasi-koperasi tersebut.

103

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Koperasi perdana terdiri daripada koperasi-koperasi yang berada di kluster besar iaitu mempunyai perolehan melebihi RM5 juta setahun. Sehingga 31 Disember 2016, terdapat 258 koperasi di kluster tersebut dan pecahan bilangan koperasi mengikut negeri ialah seperti berikut:

- i) Johor – 30 koperasi
- ii) Kedah – 10 koperasi
- iii) Kelantan – 17 koperasi
- iv) Melaka – 5 koperasi
- v) Negeri Sembilan – 2 koperasi
- vi) Pahang – 24 koperasi
- vii) Perak – 19 koperasi
- viii) Perlis – 4 koperasi
- ix) Pulau Pinang – 13 koperasi
- x) Sabah – 11 koperasi
- xi) Sarawak – 5 koperasi
- xii) Selangor – 18 koperasi
- xiii) Terengganu – 20 koperasi
- xiv) Wilayah Persekutuan – 80 koperasi

Antara aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh koperasi-koperasi tersebut adalah perbankan, pembiayaan kredit dan mikro kredit, Ar-Rahnu, perhotelan, ejen pelancongan, hospital dan farmasi, pusat pengedaran, pasar raya, penternakan lembu dan ayam, pengurusan ladang kelapa sawit dan pembinaan perumahan.